

PETUNJUK
PASARAN | FBM KLCI (17 SEPT)
1,604.30 (+3.05)

FBM EMAS
11,321.69 (+10.36)

FBM T100
11,155.23 (+9.17)

FBM SHA
11,863.76 (+31.66)

FBM 70
13,979.45 (-38.44)

Tukaran asing RM-\$
RM4.1825 (-0.0173)

B Bisnes

bhbiz@bh.com.my

Khazanah jual
100 peratus
kepentingan
dalam
Prince Court

Muka 27



Jualan
PROTON catat
pertumbuhan
36.5 peratus

Muka 62



Kenaikan harga minyak tingkat pendapatan negara

Kerajaan berpeluang berbelanja, sasar defisit fiskal lebih baik tahun depan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Kenaikan harga minyak dunia memberi limpahan kepada pendapatan negara dan dijangka menyumbang hasil petroleum sehingga 30.9 peratus tahun ini.

Pilihan yang ada adalah untuk berbelanja lebih ke arah perbelanjaan pembangunan yang bersifat jangka panjang.

Mohd Afzanizam Abdul Rashid,
Ketua Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd

Ketua Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata jika kenaikan harga minyak dunia berterusan, ia akan memberi ruang kepada kerajaan untuk berbelanja dan menyarkas defisit fiskal yang lebih baik pada tahun depan.

"Pilihan yang ada adalah untuk berbelanja lebih ke arah perbelanjaan pembangunan yang bersifat jangka panjang. Kerajaan berkemampuan untuk berbelanja lebih kepada subsidi atau bayaran pindahan, yang mana ia juga penting bagi tempoh jangka pendek," katanya kepada

"Justeru, kerajaan perlu mengimbangi kedua-dua keperluan iaitu jangka panjang serta pendek," katanya kepada

da BH.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, pula berkata setiap kenaikan harga minyak sebanyak AS\$1 satu tong menyaksikan kerajaan akan meraih pendapatan tambahan sebanyak RM300 juta.

Katanya, peluang itu patut diambil sepenuhnya dengan meningkatkan jumlah pengekuaran minyak meskipun kenaikan itu mungkin bersifat sementara, bergantung kepada secepat mana kerajaan Arab Saudi mampu memulihkan keadaan dengan membaki kemudahan yang rosak teruk.

"Ia mungkin mengambil masa berminggu-minggu mahalan beberapa bulan," katanya.

Dr Ahmed Razman berkata, kenaikan harga minyak mentah turut memberi kesan positif kepada ringgit, di mana mata wang tempatan itu mungkin mengukuh sedikit, namun kesannya agak minimum kerana masih terlalu awal untuk meramalkan pergerakannya berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) selain dipengaruhi oleh faktor lain.

"Ada kemungkinan harga petroleum domestik akan naik tetapi tidak terlalu drastik kerana kerajaan boleh mengambil keputusan untuk menaikkan kadar subsidi ke atas petroleum.

masa berminggu-minggu mahalan beberapa bulan," katanya.

Dr Ahmed Razman berkata, kenaikan harga minyak mentah turut memberi kesan positif kepada ringgit, di mana mata wang tempatan itu mungkin mengukuh sedikit, namun kesannya agak minimum kerana masih terlalu awal untuk meramalkan pergerakannya berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) selain dipengaruhi oleh faktor lain.

"Ada kemungkinan harga petroleum domestik akan naik tetapi tidak terlalu drastik kerana kerajaan boleh mengambil keputusan untuk menaikkan kadar subsidi ke atas petroleum.

Lihat muka 26



Peningkatan harga minyak bersifat sementara

Dari muka 25

"Kerajaan juga mungkin tidak perlu mengapungkan harga petrol dan diesel kerana peristiwa ini (kenaikan harga minyak global) tidak akan berlarutan dengan lama dan rakyat juga masih lagi bergelut dengan kos sara hidup yang tinggi," katanya.

Sementara itu, penganalisis ekonomi, Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata buat masa ini perubahan harga minyak hanyalah bersifat sementara dan kenaikan itu sebahagian daripada tindak balas, dengan pasaran akan kembali stabil kerana masih banyak bekalan dari alternatif lain seperti minyak syal di AS.

"Saya menjangkakan bekalan juga akan ditambah oleh Russia untuk kembali menstabilkan harga. Harga akan kembali normal dalam masa satu atau dua minggu," katanya.

Niaga hadapan awal minggu ini melonjak 10 peratus susulan serangan ke atas kemudahan pemprosesan minyak mentah Arab Saudi yang menjaskan separuh daripada pengeluarannya.

Harga pada mulanya melonjak lebih 20 peratus selepas dibuka pada petang Ahad, dengan minyak mentah Brent mencatatkan kenaikan harian terbesar sejak krisis Teluk pada 1990-1991.

Niaga hadapan Brent menokok kepada AS\$71.95 satu tong pada Isnin, kenaikan harian terbesar sejak 14 Januari 1991.